

AL-HIKMAH

| | | | |
|--------------|-----------|-----------------------|-------------|
| Jilid | 12 | ISSN 1985-6822 | 2020 |
| No. | 1 | | 1441 |

- PENDEKATAN *TAZKĪYAT AL-NAFS* DALAM MENANGANI MASALAH KEMURUNGAN ...3-18
Nur Ashidah Yahya & Fariza Md. Sham
- PERSONALITI PENDAKWAH DALAM MENYANTUNI MASYARAKAT NON-MUSLIM ...19-36
Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit
- MENDIDIK NILAI KEKELUARGAAN BERTERASKAN PEMIKIRAN *ILAHIIYAH: KONSENSUS PAKAR* ...37-52
Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Abdul Muqstith Ahmad, Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh
- DAKWAH ABIM MELALUI KOPERASI BELIA ISLAM MALAYSIA BERHAD (KBI) 1977-2000 ...53-70
Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin
- ULASAN BUKU ...71-75
Badlihasham Mohd Nasir, Ahmad Muhyuddin bin Hassan, Siti Fatimah Mokhtar, Nur Amirah Jamal, Fatimah Aisyah Sukri & Aida Atikah Akhir

• العلاقة بين الأجيال: أسباب الخلاف وطرق تعزيز الوئام ... 97-76

محمد عادل عبد الله بكر، أشرف محمد زيدان، فخر الأده عبد القادر

Ulasan Buku

Islam, Science, Muslims and Technology by Seyyed Hossein Nasr in Conservation with Muzaffar Iqbal
Seyyed Hossein Nasr and Muzaffar Iqbal. 2009. 222 Halaman. ISBN 978-0-9738744-2-6 dan Harga \$549.47.

Ulasan oleh: Badlihisam Mohd Nasir*, Ahmad Muhyuddin Hassan, Siti Fatimah Mokhtar, Nur Amirah Jamal, Fatimah Aisyah Sukri dan Aida Atikah Akhir

Buku ini disusun kepada tiga bahagian yang komprehensif dan saling berkaitan di antara satu sama lain dalam membincangkan dilema sains dan teknologi dengan agama yang dihadapi oleh Islam dan umatnya. Bahagian pertama terdiri daripada dua bab yang terdiri dari empat sesi perbualan, manakala bahagian kedua juga mengandungi empat sesi yang sama di antara Seyyed Hossein Nasr dan Muzaffar Iqbal berkaitan tema pilihan. Bahagian terakhir pula membincangkan pandangan kedua-dua sarjana yang lebih luas berkenaan isu-isu kontroversi dunia Islam. Kedua mereka berusaha membincangkan isu ini dalam perbualan yang santai bersulam fakta ilmiah yang menyerlahkan diskusi akademik yang tinggi.

Kehebatan kedua sarjana ini tidak dapat dinafikan lagi kerana mereka merupakan tokoh pemikir Islam yang terkenal dalam pemikiran Islam semasa. Seyyed Hossein Nasr merupakan pensyarah kelahiran Iran di Universiti George Washington, USA yang mengarang lebih dari 40 buku dan 400 artikel khususnya dalam bidang pengajian Islam. Dunia akademik mendapat manfaat dari karyanya yang banyak diterjemahkan dalam pelbagai bahasa; dan dari kuliah yang disampaikan di radio dan televisyen. Muzaffar Iqbal yang berkekelahiran Pakistan juga merupakan tokoh sarjana yang banyak terlibat dalam membincangkan isu agama Islam walaupun mempunyai latar belakang pemegang doktor falsafah dalam bidang kimia. Minat beliau terhadap Islam terserlah dalam bukunya *Islam and Science* dan beberapa siri penerbitan lain seperti *Islam and Science: Historic and Contemporary Perspectives*.

Dalam Bab Satu buku ini menceritakan tentang huraian Muzaffar Iqbal dalam wacana mengenai Islam dan Sains dalam Persidangan di

Islamabad. Beliau menerangkan bahawa ucapnama Seyyed Hussein Nasr dalam satu seminar menjelaskan tentang pelbagai masalah dalam menerima sains dan teknologi moden. Antaranya ialah bagaimana unsur-unsur sains moden dapat diterima tanpa memutuskan hubungan manusia dengan Tuhan. Beliau menegaskan agar mengambil langkah yang berani dan aktif untuk melatih saintis muda membangunkan sains dan teknologi tanpa mengetepikan agama. Walaupun terdapat perbezaan pandangan di kalangan masyarakat dalam menanggapi sains dan teknologi dari perspektif Islam, umumnya mereka menyokong usaha memajukan sains dan teknologi agar setanding dengan dunia Barat. Kelemahan dunia Islam yang dikesan ialah mereka banyak bergantung kepada Barat dalam bidang berkenaan tanpa menyedari bahawa merekalah yang menciptanya sejak beberapa abad yang lalu. Bab ini menyediakan latar kontekstual kepada isu yang disaring dari pemikiran seorang tokoh pemikir Islam kontemporari.

Bab Dua bertajuk “Kosmos Sebagai Subjek Penyelidikan Saintifik” mengandungi empat perbualan yang berlaku di antara Seyyed Hossein Nasr dan Muzaffar Iqbal. Ia menyentuh tentang kosmologi falsafah Islam yang bermula dengan intelek pertama, termasuk Sembilan akal lain; yang masing-masing menghasilkan sfera syurga tertentu yang memiliki jiwa sendiri dan berakhir dengan Intelek Ketiga yang memerintah wilayah sublunar. Sempadan dan tahap dan intelek yang metafizikal dan bebas dari astronomi kemudian dikaitkan dengan skema Ptolemaic yang diubahsuai oleh ahli astronomi Islam. Selain itu, perbezaan antara pandangan Islam dan pandangan moden terhadap kosmos turut dihujahkan. Dalam perspektif Islam, Tuhan adalah pencipta mutlak dan tunggal dan merupakan penyumbang tunggal kepada alam semesta. Sebaliknya, kosmologi moden tetap menjadi keperluan yang tidak pasti tentang asal usul dan hujung alam semesta dan mengalihkan kuasa Tuhan kepada alam yang dianggap bebas dari-Nya. Inilah isu yang menjadi kontroversi yang perlu diselesaikan dengan akal yang sihat dan sejahtera.

Dalam Bab Tiga bertajuk “Islam, Sains dan Muslim”, Seyyed Hossein Nasr menekankan keperluan mewujudkan falsafah Islam yang benar di samping sains yang berdasarkan tradisi sains dan penemuan daripada dunia barat. Beliau menyatakan terdapat beberapa institusi Islam yang menawarkan usaha ini seperti Akademi Falsafah Imperial di Iran. Ia mengajar mata pelajaran sains seperti institusi sains di Barat tetapi dari perspektif pemikiran Islam. Beliau mengkritik kesilapan sains moden yang melupakan dimensi spiritual dan alam dengan menyamakannya sebagai “memotong tangan Tuhan dari ciptaanNya.” Seyyed Hossein Nasr walau bagaimanapun menjelaskan sikap sebenar Islam dalam bab keempat yang

bertajuk Islam, Muslim dan Teknologi Moden. Ia menerangkan tentang peranan teknologi dalam membentuk fizikal, budaya, dan ruang intelek dalam kehidupan Muslim pada masa kini, kesan teknologi terhadap alam sekitar, serta sikap yang sepatutnya ditunjukkan oleh seorang Muslim terhadap teknologi serta perbandingan antara teknologi yang dibangunkan oleh Muslim dahulu dan teknologi moden kini. Beliau menyatakan Islam menyokong perkembangan teknologi yang memberikan mereka kuasa, kekayaan serta kesihatan. Teknologi seperti telefon bimbit yang telah berkembang dengan pesat di seluruh dunia memberi manfaat kepada komunikasi manusia. Namun sebagai Muslim, kita bertanggungjawab dalam memberi kesedaran tentang kesan negatif yang lahir dari teknologi moden. Oleh itu teknologi tradisional yang lebih bersifat mesra alam dan patuh kepada norma kemanusiaan tidak harus dilupakan dalam mendepani modenisasi.

Hal ini seterusnya dapat dilihat dari hujah Seyyed Hossein Nasr dalam Bab Lima yang berkaitan krisis terhadap alam sekitar. Beliau menerangkan tentang bahayanya krisis ini yang telah terjadi sejak permulaan Revolusi Industri. Oleh itu beliau menekankan kesedaran dan langkah-langkah dalam menghalang krisis daripada berlaku. Beliau juga menyatakan bahawa kita semua memerlukan transformasi yang mendalam tentang kefahaman terhadap semula jadi dan keadaan manusia iaitu tentang siapa kita sebenarnya dan apa hubungan kita dengan Tuhan dan alam semula jadi yang di cipta oleh Tuhan. Masalah teknologi moden kini adalah apabila manusia terlalu bergantung dengan manusia dan bukannya dengan Tuhan. Inovasi teknologi telah membunuh kehidupan semula jadi kerana manusia hanya memikirkan tentang kemudahan diri sendiri tanpa memikirkan kesan teknologi tersebut terhadap alam sekitar. Inilah hakikat yang perlu disedari oleh Muslim agar keharmonian alam semula jadi dapat dilindungi dan bukannya dimusnahkan.

Dalam Bab Enam pula Muzaffar Iqbal menimbulkan punca kepada masalah yang terjadi di antara sains dan agama dengan kembali kepada asal usul biologi manusia. Seyyed Hossein Nasr menolak teori evolusi Darwin tentang biologi manusia. Beliau berhujah bahawa L. Bounoure, seorang ahli biologi Perancis telah menolak teori ini berdasarkan realiti bentuk pengakhiran itu sendiri. Namun beliau tidak bersetuju dengan sebilangan Muslim yang mengetepikan perspektif saintifik kerana ia tidak memuaskan agnostik biologi di samping terlalu terikat dengan kehendak Tuhan secara doktrin semata-mata. Oleh itu, Muslim harus melihat isu ini daripada pendapat melalui spiritual dan intelektual di samping memberikan laluan

kepada kreativiti untuk menemukan sesuatu penciptaan teknologi yang inovatif.

Pandangan dunia Islam dan sains moden dalam bab ketujuh menggambarkan minat umat Islam terhadap perkembangan sains dan teknologi. Ia merupakan suatu keperluan yang tidak dapat dielakkan lagi. Oleh itu, ia sangat penting untuk menganalisis sains moden dan merujuknya dengan lebih mendalam dari pandangan Islam. Akhirnya, pengarang membuat rumusan dengan mengemukakan beberapa langkah dalam penciptaan sains Islam yang autentik. Umat Islam hendaklah mempelajari secara mendalam sumber tradisional seperti daripada Al-Quran dan hadis bagi melihat asal usul sains Islam. Pelajar muslim seharusnya dibenarkan untuk belajar moden sains di peringkat tinggi seperti di Barat. Dalam dunia Islam sekarang, bilangan doktor dan jurutera lebih ramai berbanding yang mempelajari sains tulen seperti kimia, fizik dan biologi. Hal ini lebih disebabkan faktor komersial berbanding menghidupkan keghairahan mendalami sains dan teknologi dari perspektif yang luas. Seterusnya, langkah penting ialah menghidupkan semula tradisi sains Islam tradisional. Ia dapat memberi roh kepada perkembangan sains dan teknologi yang semakin pesat berkembang hari ini.

Umumnya, buku yang didasarkan kepada temubual di antara dua tokoh berjaya memberi gambaran tentang hubungan di antara agama dan sains serta teknologi moden. Bermula dengan sorotan terhadap sejarah kegemilangan Islam yang pernah suatu ketika menempa nama dalam pembangunan sains dan teknologi. Pendekatan soal jawab di antara kedua tokoh walaupun dilihat boleh menjejaskan merit kritis kerana ianya datang dari dua tokoh yang sama agama tetapi ia tetap dapat menonjolkan kekuatan ilmiah kerana hujah yang dikemukakan adalah berdasarkan ilmu yang jitu dalam bidang berkenaan. Persoalan yang diangkat adalah isu yang menjadi tumpuan utama dalam pertembungan antara sains dan agama khususnya sekular dan Islam. Seyyed Hossein Nasr begitu objektif dan adil dalam mengkritik sikap umat Islam yang jumud terhadap ilmu yang pernah mereka mengepalainya dahulu. Beliau menjadi seorang tokoh reformis kepada umat Islam agar terus membangunkan sains dan teknologi berpaksikan Islam. Beliau juga mengkritik asal usul sains barat serta arah tujuhnya yang lebih memudaratkan manusia justeru kehilangan nilai agama. Ringkasnya korpus ilmu yang dibincangkan oleh kedua tokoh ini menjadi asas kepada perbincangan apa yang dikatakan sains yang tulen boleh dipanggil sebagai sains Islam. Sains Islam sudah sekian lama mengakar sejak lebih dari satu alaf lagi. Oleh itu, sains Islam perlu dibangkitkan semula termasuk falsafah sains Islam dan pandangan dunia Islam dapat diformulasikan dalam

pendekatan yang mudah diterima oleh masyarakat hari ini. Walaupun terdapat beberapa pengulangan fakta justeru ianya digunakan oleh kedua sarjana dalam sesi soal jawab mereka, ia mengukuhkan hakikat sains Islam yang perlu diangkat memberi nilai kepada perkembangan sains moden. Sains moden mestilah dinilai secara kritis dan dihakimi secara ilmiah dalam aspek intelektual Islam agar sains yang mengikut syarak Islam boleh diwujudkan berdasarkan ilmu sains tradisional sekali gus mampu membuka mata seluruh dunia tentang kewujudan sains Islam yang asli di mana ia tidak hanya membantu melancarkan peradaban ini tetapi juga bertindak sebagai sokongan utama bagi semua orang di seluruh dunia bagi menjalani kehidupan dengan aman dan damai.

Prof Dr. Badlihisam Mohd Nasir*
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
E-mail: badlihisam@utm.my

Ahmad Muhyuddin bin Hassan, Siti Fatimah Mokhtar, Nur Amirah Jamal,
Fatimah Aisyah Sukri dan Aida Atikah Akhir